

10 MAR 2001

Mustapa-Perpecahan

PAS HARUS TERIMA DAHULU PELAWAAN UMNO

GUA MUSANG, 10 Mac (Bernama) -- Pas seharusnya menerima dahulu pelawaan Umno untuk mengadakan perjumpaan bagi membincang masalah perpecahan orang-orang Melayu sebelum pelbagai perkara yang boleh membantutkan perbincangan, dibuat.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamad berkata ini kerana Umno sudah menyuarakan keikhlasan untuk mengadakan perjumpaan yang dianggap penting supaya tidak timbul masalah yang boleh menyingungkan kedua-dua pihak.

"Umno mempunyai agenda yang cukup menarik khususnya yang ada kaitan dengan penyelesaian isu semasa yang menimbulkan perpecahan orang Melayu keseluruhan," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan pemimpin Umno tiga peringkat Bahagian Gua Musang di sini, hari ini.

Beliau berkata pemimpin Umno cukup malu dengan apa yang berlaku dalam parti itu sekarang berikutan timbul perselisihan faham sesama Islam yang menyebabkan kaum lain mendapat keuntungan.

Katanya beliau tetap menyokong usaha pertemuan itu kerana ia boleh menyelesaikan banyak masalah mengenai perpecahan orang Melayu secara bermusyawarah sebagaimana yang dituntut dalam Islam.

"Kita minta Pas ketepikan dulu segala tuntutan itu kerana perkara yang lebih penting persetujuan diadakan perjumpaan dan segala tuntutannya boleh dikemukakan selepas ini," katanya.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah berulang kali menjelaskan matlamat perjumpaan dan tidak ada muslihat politik yang perlu diragui.

Tetapi pemimpin Pas masih meragui dengan penjelasan itu hingga timbul pelbagai percanggahan sebagaimana yang dipersetujui dalam pertemuan peringkat teknikal kedua-dua wakil parti baru-baru ini, katanya.

Beliau bimbang jika usaha penyatuan orang Melayu gagal akan memberi padah yang lebih buruk kepada masyarakat Melayu seluruhnya.

"Umno adalah sebuah parti orang Melayu yang terbesar di negara ini tetapi tidak memberi makna jika perpecahan sesama sendiri berlarutan dan sukar dikawal lagi," katanya.

-- BERNAMA

AI ZB